PERUTUSAN PENDAFTAR
SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
BAGI TAHUN 2017



Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Pertama sekali, marilah kita memanjat rasa syukur tidak terhingga ke hadrat Allah SWT atas perkenan-Nya kita dapat bersama lagi di dalam mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan bagi tahun 2017. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar terus memberkati kita dengan kebaikan, kebijaksanaan, kekuatan fizikal dan moral agar dapat kita sempurnakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh cemerlang, berkualiti dan berintegriti.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, PNK merupakan wakil yang paling dekat dengan nelayan. Pemimpin PNK dan PNN lebih mengenali dan rapat dengan nelayan di kawasan masing-masing. Justeru, amatlah wajar NEKMAT dan PNK untuk membeli terus hasil tangkapan nelayan dengan menawarkan harga yang setanding. Ini kerana kompleks-kompleks dan jeti-jeti pendaratan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diuruskan oleh PNK dan PNN sendiri. Ini membolehkan hasil laut dapat dipasarkan di dalam kawasan dan negeri masing-masing selain dihantar ke NEKMAT. PNK dan PNN juga boleh membuat pemasaran terus kepada pengguna melalui Pasar Nelayan.

Selain pemasaran kepada pengguna secara terus di Pasar Nelayan, NEKMAT dan Persatuan Nelayan perlu berusaha menyertai jualan di Pasar Tani di seluruh negara. Menerusi jualan hasil laut di Pasar Tani oleh Persatuan Nelayan, pengguna dapat menikmati penurunan harga ikan sebanyak 5 hingga 10 peratus berbanding di pasar-pasar awam.

Di samping itu, Persatuan Nelayan juga perlu menceburi bidang perniagaan baru yang boleh menjana pendapatan. Jangan terlalu bergantung 100 peratus kepada hasil tangkapan ikan dan perniagaan minyak. Ceburilah bidang-bidang perniagaan lain dalam rantaian industri perikanan seperti pemasaran hasil laut, pemprosesan hasil perikanan (bebola ikan, fish cake dll), jualan pukat, slipway (pembaikan bot) dan banyak lagi.

Untuk makluman, penekanan rangka strategi Kementerian Pertanian bagi lima tahun RMK-11 adalah untuk menambahbaik industri agromakanan melalui pemodenan serta peningkatan dalam peluang pelaburan serta mempertingkatkan pemasaran. Di samping itu, usaha-usaha memperkasakan peranan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) , Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan juga NEKMAT terus giat dilaksanakan termasuklah usaha memperkukuh jaringan dan rantaian nilai serta produktiviti.

Persatuan Nelayan juga amat digalakkan untuk menceburi bidang Agropelancongan. Agropelancongan merupakan aktiviti pelancongan berkaitan sektor pertanian berasaskan tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Fokus negara kepada pembangunan aktiviti pertanian telah membuka lembaran baru bagi sektor pelancongan khususnya aktiviti agropelancongan.

Produk agropelancongan yang dikendalikan oleh Persatuan Nelayan seperti restoran nelayan atau medan ikan bakar serta resort yang menyediakan pelbagai aktiviti kepada pelanggan adalah contoh-contoh projek yang perlu diceburi. Projek-projek ini boleh dijadikan projek-projek teras baru yang mana dapat membantu Persatuan Nelayan dari terus bergantung harap dengan projek bekalan minyak yang tidak lagi dapat menjanjikan pendapatan yang lumayan kepada Persatuan Nelayan.


Harapan saya, pemimpin nelayan di semua peringkat perlu ada transformasi dalam strategi kepimpinan yang diberikan bagi merasai nikmat kesempurnaan dalam sektor perikanan ini. Kita perlu peka dalam memastikan para nelayan berjaya menukar pemikiran tradisional kepada lebih moden dengan mempraktikkan amalan perikanan baik yang merupakan kunci kejayaan dalam meningkatkan pendapatan.

Saya menyeru terutamanya kepada para pemimpin masyarakat nelayan agar sentiasa melakukan 'engagement' dengan kumpulan sasar agar setiap dasar dan transformasi kerajaan dapat disampaikan dengan tepat bagi memberi manfaat kepada semua ahli.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat bersidang kepada semua Persatuan Nelayan seluruh Malaysia bagi tahun 2017. Semuga Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan bagi tahun 2017 ini dapat dijalankan dengan penuh suasana harmoni serta muhibbah di samping menjadi satu platform untuk membahaskan perkara-perkara yang dapat memberikan kebaikan kepada ahli nelayan khususnya serta industri perikanan negara umumnya.

Sekian wabillahittaufik walhidayah wassalamu'alaikum wbt.

Salam Hormat



Mohd Saadon bin Ab.Majid

Pendaftar